

29/09/2001

Malaysia terus sertai misi keselamatan PBB

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia akan terus memainkan peranan pada peringkat antarabangsa, termasuk menyertai misi keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) walaupun terpaksa membiayai sendiri pasukan tenteranya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, negara dapat berbuat demikian kerana ia berkemampuan dan bukan bertujuan untuk mendabik dada atau berbangga dengan kebolehan sendiri.

"Kita dapat beri bantuan dan pertolongan kepada orang yang ditindas. Malangnya pada zaman ini, banyak negara Islam ditindas orang asing," katanya berucap melancarkan buku Malbatt dan Malcon di Bosnia Herzegovina: Imbasan Kembali di Auditorium Kementerian Pertahanan di sini, hari ini. Hadir sama, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, Timbalannya, Datuk Shafie Apdal, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin, dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Md Hashim Hussein.

Buku setebal 171 muka surat terbitan Markas Tentera Darat itu mencatatkan pengalaman pegawai tentera Malaysia yang menganggotai Malbatt (Batalion Malaysia) dan Malcon (Kontinjen Malaysia) dalam misi keselamatan di Bosnia-Herzegovina.

Dr Mahathir berkata, keupayaan negara membantu negara lain hanya dapat dibina dengan kekuatan ekonomi dan kebolehan menguasai pelbagai ilmu seperti yang ditekan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, hakikat ini terbukti ketika misi keselamatan PBB di Bosnia-Herzegovina apabila Malaysia mengekalkan pasukan tenteranya dengan perbelanjaan sendiri apabila badan dunia itu menghentikan pembiayaan.

"Kebanyakan negara lain terpaksa menarik balik pasukan mereka tetapi kita sanggup membiayai pasukan kita dengan peruntukan sendiri. Ini dapat kita lakukan kerana Malaysia mempunyai kemampuan," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri menyatakan penghargaan kerajaan terhadap peranan dimainkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi memastikan keselamatan dan keamanan negara sentiasa terpelihara.

"Dengan selamatnya negara maka dapatlah kita bangunkan negara dan memberi kehidupan lebih baik kepada rakyat dan menjadikan mereka dihormati dan disegani dunia," katanya.

Mengenai penerbitan buku itu, Dr Mahathir berkata, ia penting bagi mendidik serta menyedarkan generasi muda mengenai tugas dan pengorbanan yang harus dilakukan bagi mengekalkan keutuhan negara.

Perdana Menteri berkata, adalah penting untuk kita belajar dan mengambil iktibar daripada sejarah bangsa supaya tidak melakukan kesilapan lalu.

(END)